



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 07 Tahun 2018

**PERMOHONAN MEMBAWA KE HADAPAN BAKI CUTI REHAT &
PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) TAHUN 2017 KE TAHUN
2018**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2017 ke tahun 2018 dan permohonan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) secara dalam talian.

LATAR BELAKANG

2. Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan dibenarkan dikumpul untuk pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) atau di bawa ke tahun berikutnya berdasarkan Perintah Am Bab C Perkara 11, Pekeliling Pendaftar Bil. 1/2004, Pekeliling Pendaftar Bil. 24/2004 dan Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2009.

PELAKSANAAN

3. Staf berjawatan tetap boleh membuat permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2017 ke tahun 2018 dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) melalui sistem eCuti mulai 01 Februari 2018.

4. Sukacita dimaklumkan, permohonan dalam talian ini akan ditutup pada 2 Mac 2018 bagi membolehkan Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar memproses permohonan.

5. Sehubungan itu, Moderator Cuti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan bahawa semua permohonan cuti tahun 2017 secara dalam talian telah dikemaskini. Sila

pastikan permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dibuat secara dalam talian ini diambil tindakan oleh pegawai bertanggungjawab (pegawai Membenar/ Meluluskan) dalam tempoh yang dibenarkan mulai 3 Mac 2018 hingga 23 Mac 2018.

6. Sukacita dimaklumkan juga permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dibuat secara manual selepas tarikh tutup permohonan ini tidak akan diproses kecuali bagi staf yang dalam tempoh bercuti yang diluluskan dalam jangka masa panjang atau melebihi satu (1) bulan dalam tempoh permohonan dibuka.

7. Bagi staf yang dalam tempoh Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah, Cuti Belajar dan Cuti Tanpa Gaji mengikut pasangan melebihi tempoh satu (1) tahun adalah tidak layak memohon.

TARIKH DIKELUARKAN


8. Pekeliling dikeluarkan pada 01 Februari 2018.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 Februari 2018.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf berjawatan tetap Universiti Teknologi MARA.



AZIDA/AZMI

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UITM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(Bil. 07/2018)